

**PEJABAT BENDAHARI**

Tel : +606 331 6188/6189 | Faks : +606 331 6115  
Emel: pejabatbandahari@utem.edu.my

Ruj. Kami (Our Ref) : UTeM.03.04.01/100-3/3/2 Jilid 3 ( 2 )  
Ruj. Tuan (Your Ref) :

30 Julai 2013  
➤ Ramadhan 1434 H

**PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 2/2013**

Semua  
Ketua Pusat Tanggungjawab  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

السلام عليكم ورحمة الله

Y.Bhg. Datuk/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan,

**PENUBUHAN TABUNG ENDOWMEN/WAKAF UTeM DAN TABUNG SUMBANGAN UTeM**

**1.0 TUJUAN**

- 1.1 Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTj) mengenai penubuhan Tabung Endowmen/Wakaf UTeM dan Tabung Sumbangan UTeM.

**2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Universiti boleh menerima dan menyimpan harta, wang atau dana sumbangan dari pihak luar dan adalah menjadi tanggungjawab Universiti sebagai pemegang amanah untuk memastikan sumbangan berkenaan digunakan dan ditadbir mengikut maksud yang telah ditentukan serta diakaunkan secara berasingan.

**PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 2/2013**

- 2.2 Tabung Endowmen/Wakaf UTeM dan Tabung Sumbangan UTeM yang berkonsepkan kebajikan ini ditubuhkan bertujuan **mengumpul dana serta memberi peluang kepada syarikat korporat, agensi luar, orang ramai, individu, alumni termasuk staf UTeM** untuk menghulurkan sumbangan dengan objektif untuk merencanakan lagi aktiviti kesarjanaan ilmu di UTeM.
- 2.3 Mesyuarat Lembaga Pengarah UTeM yang bersidang pada 27 Disember 2012 telah meluluskan cadangan pelaksanaannya di UTeM dengan nama Tabung Endowmen/Wakaf UTeM dan Tabung Sumbangan UTeM.

**3.0 OBJEKTIF PENUBUHAN TABUNG ENDOWMEN/WAKAF UTeM DAN TABUNG SUMBANGAN UTeM**

- 3.1 Objektif utama penubuhan tabung ini adalah bertujuan;
- i) menjalankan usaha-usaha pengumpulan dana bagi membiayai aktiviti akademik, penyelidikan dan pembangunan, kebajikan pelajar, aktiviti dakwah dan pengimarah;
  - ii) membiayai aktiviti peningkatan budaya ilmu di UTeM seperti penajaan Kerusi Profesor, penerbitan bahan saintifik, pembangunan fasiliti akademik dan lain-lain;
  - iii) sebagai sumber dana bagi aktiviti penajaan pelajar seperti biasiswa kepada pelajar cemerlang atau tajaan yuran pengajian bagi pelajar yang layak dan memerlukan; dan
  - iv) menjadi penggerak membudayakan amalan memberikan sumbangan jangka panjang di kalangan warga UTeM dan masyarakat setempat.

## PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 2/2013

### 4.0 PENGURUSAN TABUNG

- 4.1 Segala urusan penerimaan dana dari sumber endowmen/wakaf dan dana yang diterima dari sumbangan atau derma ini akan diasingkan di dalam suatu kod akaun yang berasingan bagi memastikan penggunaannya tidak bercampur.
- 4.2 Pengurusan Tabung Endowmen/Wakaf UTeM dan Tabung Sumbangan UTeM ini akan dikendalikan oleh Pejabat Bendahari. Jawatankuasa Pemegang Amanah yang dipengerusikan oleh Naib Canselor akan berfungsi sebagai badan pengawal yang akan memutuskan dasar berhubung penggunaan wang dan mengawasi pelaksanaan aktiviti tabung ini.

### 5.0 KAEDAH SUMBANGAN

- 5.1 Caruman atau sumbangan kepada tabung ini **terbuka secara sukarela** kepada syarikat korporat, agensi luar, orang ramai, individu, alumni serta staf UTeM.
- 5.2 Satu skim sumbangan secara **potongan gaji** akan diperkenalkan bagi memberi kemudahan kepada staf UTeM untuk menghulurkan sumbangan. Staf UTeM boleh berurusan terus dengan pihak Pejabat Bendahari bagi kemudahan ini.
- 5.3 Penyaluran sumbangan ini juga boleh diperluaskan kepada kemudahan bayaran sumbangan atas talian (*on-line donation*), arahan bank, cek peribadi, penggunaan kad kredit/ kad debit dan sebagainya.

### 6.0 PENGECUALIAN CUKAI PENDAPATAN

- 6.1 Setiap penderma yang menderma dalam bentuk wang kepada Tabung Endowmen/Wakaf UTeM dan Tabung Sumbangan UTeM layak mendapat pengecualian cukai pendapatan di bawah Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 (No. Rujukan: LHDN.01/35/42/51/179-6.6019, tarikh kuatkuasa pada 15.06.2006, No. Warta Kerajaan : Bilangan 13710)

**PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 2/2013**

**7.0 PERBEZAAN KONSEP DAN PRINSIP ENDOWMEN/WAKAF BERBANDING SUMBANGAN**

7.1 Terdapat beberapa perbezaan di antara prinsip sumbangan di bawah endowmen/wakaf dengan konsep sumbangan sebagai derma, infak atau sedekah terutamanya perbezaan dari aspek manfaat atau penggunaan dari harta/dana yang disumbangkan. Maklumat terperinci berkenaan perbezaan antara kedua-dua konsep ini adalah seperti di **Lampiran 1**.

**8.0 TARIKH KUATKUASA**

8.1 Pekeliling ini hendaklah berkuatkuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

Sekian, terima kasih. *Wassalam*.

**“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”**

Yang benar,



**KHAIRUL BIN TAIB**

Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

s.k. **Y. Bhg. Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan**  
Naib Canselor

**Y. Bhg. Prof. Dr. Shahrin bin Sahib @ Sahibuddin**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

**Y. Bhg. Prof. Ir. Dr. Mohd Jailani bin Mohd Nor**  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

**Y. Bhg. Prof. Madya Dr. Izaidin bin Abdul Majid**  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

## PERBEZAAN ANTARA KONSEP ENDOWMEN (WAKAF) DAN SUMBANGAN

PERBANDINGAN	WAKAF/ENDOWMEN	SUMBANGAN/DERMA
Konsep Asas	<p>Endowmen atau Wakaf bermaksud menahan sesuatu harta yang disumbangkan supaya hasil atau manfaat daripada harta tersebut boleh digunakan untuk tujuan kebaikan.</p> <p>Wakaf juga dianggap sedekah yang berterusan dimana pahalanya berterusan selagi mana harta yang diwakafkan tersebut kekal.</p> <p>Harta yang telah diwakafkan tidak boleh dijual, diwarisi, ditarikbalik dan diwasiatkan.</p> <p>Harta yang diwakafkan perlu dikekalkan mengikut maksud pemberi sumbangan, manakala hanya hasil atau pulangan dari harta yang diwakafkan sahaja yang boleh digunakan atau dimanfaatkan bagi tujuan kebajikan atau tujuan lain yang ditentukan pemegang amanah.</p>	<p>Sumbangan ialah pemberian berupa sesuatu yang berguna kepada golongan yang memerlukan bantuan.</p> <p>Sumbangan adalah ibadah kebajikan yang dilakukan dimana pahalanya adalah hanya untuk ketika waktu ianya disumbangkan.</p> <p>Sumbangan adalah sesuatu yang boleh dipindah milik.</p> <p>Sumbangan dalam bentuk derma, sedekah atau infak boleh dimanfaatkan sepenuhnya, diagihkan atau digunakan untuk tujuan manfaat kekal atau terus dibelanjakan mengikut maksud dan tujuan pemberi sumbangan atau tujuan yang telah dipersetujui.</p>
Penerima yang layak	<p>Secara prinsipnya, golongan yang layak menerima dari pulangan harta wakaf adalah orang Islam dan dimanfaatkan untuk kepentingan Islam sahaja.</p> <p>Namun begitu, para ulama' as-Syafie <b>mengharuskan</b> wakaf kepada golongan bukan Islam, selama mana ia tidak bertujuan untuk melakukan kemungkaran.</p>	<p>Golongan yang layak menerima sumbangan ialah golongan fakir, miskin, anak yatim atau sesiapa sahaja yang memerlukan.</p>
Bentuk Sumbangan	<p>Kebiasaannya pemberian dalam bentuk harta tetap seperti tanah akan diniatkan sebagai wakaf.</p> <p>Namun begitu, berwakaf dalam bentuk wang tunai adalah dibolehkan di dalam Islam.</p>	<p>Kebiasaannya pemberian sumbangan di dalam bentuk wang (harta bergerak atau mengalir) akan diniatkan sebagai sedekah.</p>
Pemegang Amanah	<p>Majlis Islam Negeri merupakan pemegang amanah tunggal bagi setiap harta yang diwakafkan. Kelulusan perlu diperolehi bagi melaksanakan sesuatu urusan berkaitan harta wakaf.</p>	<p>Pemegang Amanah adalah pihak yang telah diamanahkan untuk mengagihkan sumbangan yang diterima kepada golongan yang layak.</p>

